

# PRINAZIN TABLET

Cinnarizine (25mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prinazin
2. Bagaimana Prinazin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prinazin
4. Cara menggunakan Prinazin
5. Semasa menggunakan Prinazin
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prinazin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Prinazin

Ia digunakan untuk mencegah dan melegakan mabuk perjalanan, rasa loya dan vertigo (pening) akibat *Meniere's disease* (bendarir berlebihan di telinga dalaman) dan gangguan telinga dalaman (*labyrinthine*) dan rawatan penyakit saluran darah periferi (gangguan peredaran darah).

## Bagaimana Prinazin berfungsi

Cinnarizine mempunyai aktiviti antihistamina, mengendurkan otot-otot licin dan mengembangkan saluran darah.

## Sebelum menggunakan Prinazin

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan kepada cinnarizine atau ramuan-ramuan lain Prinazin.

### - Sebelum menggunakan Prinazin

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan pekerjaan yang memerlukan perhatian kerana kemungkinan berlakunya kesan mengantuk.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Prinazin

### - Berapa banyak harus digunakan

*Meniere's disease* dan gangguan telinga dalaman: Dewasa: 25mg tiga kali sehari. Kanak-kanak 5 - 12 tahun: Seperti yang diarahkan oleh doktor.

Mabuk perjalanan: Dewasa: 25mg dua jam sebelum perjalanan dan 12.5mg setiap 8 jam semasa perjalanan, jika perlu. Kanak-kanak 5 - 12 tahun: 12.5mg dua jam sebelum perjalanan.

Penyakit saluran darah periferi:

Dewasa: 75mg dua atau tiga kali sehari.

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda

tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa disyaki terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Prinazin

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Prinazin.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil atau menyusukan anak semasa menggunakan ubat ini. Keselamatan penggunaan ubat ini dalam kehamilan dan ibu yang menyusu belum dipastikan lagi.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Prinazin kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera. Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa loya, pening, lelah atau sakit kepala,

jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Prinazin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Mengantuk, tekanan darah rendah, otot lemah dan gangguan perut-usus kadang-kadang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubah Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Prinazin

### - Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering di bawah suhu 30°C. Jauhi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat, rata dan berskor pada permukaan atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: cinnarizine.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19900161A

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

18/08/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)180815/00258